

22/07/1997

18,409 pokok ditanam selepas kempen

IPOH, Isnin - Sebanyak 18,409 pokok pelbagai jenis ditanam di seluruh negeri ini selepas Kempen Menanam Pokok di seluruh negara dilancarkan pada pertengahan Mac lalu.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata angka berkenaan menunjukkan satu kejayaan yang membanggakan dan memenuhi matlamatnya selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan Malaysia negara dalam taman.

Menurutnya, menjelang akhir tahun ini sebanyak 50,000 jenis pokok akan ditanam di seluruh Perak dan jumlah itu akan meningkat kira-kira 370,000 menjelang tahun 2000.

"Kita juga mendapat kerjasama yang baik dengan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) yang melaksanakan Kempen Menanam Pokok dengan jayanya," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata, semua pokok itu ditanam di sepanjang jalan, taman rekreasi, kilang dan lanskap.

Kira-kira 20 jenis pokok ditanam di negeri ini antaranya, pokok bunga tanjung, jati, sentang, mahogani, kemboja dan kayu manis hitam.

Menurutnya, kerajaan negeri juga menggalakkan kerjasama daripada pihak swasta dan orang ramai bagi membolehkan lebih banyak pokok yang bersesuaian ditanam di negeri ini.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga bersedia menghantar laporan mengenai perkembangan kempen menanam pokok sebaik saja diminta berbuat demikian.

"Ketika ini, kita berada pada peringkat akhir untuk menyediakan laporan itu. Bagaimanapun, setakat ini Jabatan Landskap Negara belum mendapatkan maklum balas dari kerajaan negeri dan PBT mengenai perkara itu," katanya.

Sebelum ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengarahkan semua kerajaan negeri menghantar laporan mengenai Kempen Menanam Pokok di Seluruh Negara selewat-lewatnya September depan.

Menterinya, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata laporan itu bagi memastikan kempen yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Mac lalu dilaksanakan dengan lancar dan memenuhi sasaran menanam tiga juta pokok menjelang tahun 2000.

(END)